



# Hari Patriotik Peringkat KUKUM 2003

**Tanggal 31 Julai 2003 telah diisytiharkan sebagai Hari Patriotik. Tarikh tersebut merupakan sebahagian daripada pengisian program sambutan Hari Pahlawan yang juga disambut pada tarikh yang sama. Hari Patriotik disambut bagi menanam semangat patriotisme di kalangan pelbagai lapisan masyarakat di negara ini.**

Sambutan di peringkat KUKUM telah diadakan di Kolej Kediaman B & C, Kampung Wai, Kuala Perlis dan telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Kamarudin b. Hussin. Sambutan Hari Patriotik ini disertai oleh semua staf dan para pelajar Tahun 1. Acara sambutan dimulakan dengan upacara menaikkan Jalur Gemilang diiringi nyanyian lagu Negaraku, lagu Negeri, lagu Wawasanku dan sebuah lagu patriotik oleh kumpulan koir KUKUM. Ini diikuti oleh aktiviti senamrobik yang dikendalikan oleh instruktur jemputan, En. Abdul Rashid b. Mahmud.

Semasa merasmikan sambutan tersebut, Y. Bhg. Rektor menekankan betapa pentingnya penerapan semangat cintakan organisasi, bangsa dan negara di kalangan staf dan pelajar demi membangun sebuah universiti yang disegani di dalam negara dan di peringkat antarabangsa. Majlis turut disertai dengan kehadiran tokoh

jemputan, Jen. (B) Dato' Seri Che Md. Noor b. Mat Arshad. Beliau merupakan seorang yang berpengalaman luas dalam bidang ketenteraan dan aktif dalam beberapa pertubuhan bukan kerajaan. Dalam ucapannya Dato' Seri telah menceritakan pengalaman beliau sepanjang berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia. Beliau turut menyeru agar setiap staf dan pelajar peka dan prihatin terhadap isu-isu semasa di dalam dan luar negara kerana mereka merupakan generasi pelapis yang akan memastikan keamanan dan kestabilan negara Malaysia pada masa akan datang.

Kemuncak sambutan ialah pelancaran Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan yang disempurnakan oleh Y. Bhg. Rektor dan tokoh jemputan. Kutipan derma ini bertujuan untuk meringankan beban ahli keluarga anggota tentera yang telah banyak berkorban untuk menjaga keamanan negara. Kutipan derma ini akan dijalankan sehingga 31 Ogos 2003.

Sambutan Hari Patriotik diharap dapat melahirkan staf dan pelajar yang berjiwa patriotisme dalam membantu membangunkan sebuah universiti dan menjamin keamanan sebuah negara kita yang tercinta, MALAYSIA.



Oleh : Norsyahiza Hamzah

